



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	29/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPNP			

Lima mengaku tak salah ceroboh hutan simpan

BH, 29 Jul
2021_16

Dua pekebun durian Musang King antara didakwa masuk kompartmen 175 tanpa permit

Raub: Lima lelaki termasuk dua pekebun durian Musang King mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, terhadap tuduhan menceroboh Hutan Simpan Batu Talam di mukim Tras di sini, awal bulan ini.

Mereka ialah Wong Than Fook, 49, Chiah Kin Seng, 54, dan anaknya Lavin Chiah Zhe Yueng, 21, serta dua warga Indonesia iaitu Kanir, 32, dan Shah Ronny Rusly, 45.

Kin Seng dan anaknya serta dua warga Indonesia didakwa memasuki kompartmen 175 hutan itu tanpa permit masuk pada jam 10.36 pagi, 3 Julai lalu, manakala Than Fook didakwa melakukan perbuatan itu pada jam 10 pagi, 8 Julai lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 47(1)(c) Akta Perhutanan Negara 1984 yang diterima pakai kerajaan Pahang mengikut Enakmen Perhutanan Negara (Negeri-negeri Malaysia) (Pemakaian) 1986 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 47(4) enakmen sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, Timbalan



Tertuduh hadir di Mahkamah Sesyen Raub, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

Pendakwa Raya dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Afidatul Azwa Kamarulnazar menawarkan jaminan RM8,000 kepada Kin Seng dan Lavin serta RM5,000 untuk Than Fook, manakala tiada jaminan ditawarkan kepada kedua-dua warga Indonesia itu.

Bagaimanapun, peguam Samantha Chong Yin Xin memohon mahkamah membenarkan jaminan diberikan kerana kedua-dua tertuduh itu mempunyai pasport dan permit kerja yang sah, selain pertuduhan terbabit adalah kesalahan boleh dijamin.

Beliau juga memohon mahka-

mah memberikan jaminan munasabah memandangkan jumlah ditawarkan tinggi berbanding pendapatan bulanan anak guanya antara RM1,400 dan RM4,200.

Peguam itu berkata, Lavin masih menuntut di sebuah kolej di ibu negara dan sedang menjalani latihan industri, selain mempunyai janji temu vaksinasi COVID-19 hari ini.

"Semua tertuduh difahamkan sudah dilepaskan dengan jaminan polis pada hari kejadian dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada polis serta Jabatan Perhutanan. Mereka hadir ke mahkamah walaupun hanya

dimaklumkan pegawai penyiasat, semalam (kelmarin)," katanya.

Turut mewakili tertuduh ialah peguam, Chong Kar Yan.

Hakim Ahmad Faizadh Yahaya membenarkan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin kepada semua tertuduh, kecuali Lavin, dengan syarat tertuduh warga Indonesia perlu mengemukakan penjamin warga tempatan.

Jaminan bagi Lavin ditetapkan RM2,000 dengan seorang penjamin. Sebutan semula kes ditetapkan pada 15 September ini.

BERNAMA